

27 MAR 2001

MALAYSIA TUAN RUMAH PERHIMPUNAN MEDIA ASIA

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah Perhimpunan Satu Asia kelima yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini pada akhir tahun ini atau awal tahun depan.

Setiausaha Agung Yayasan Media Asia (PFA) Khairul Bashar hari ini berkata Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan telah bersetuju untuk merasmikan perhimpunan itu manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan.

"Kedua-dua mereka telah bersetuju pada dasarnya untuk menghadiri perhimpunan itu yang akan diadakan sama ada pada November tahun ini atau Januari atau Februari tahun depan," katanya selepas mesyuarat jawatankuasa penganjur PFA di sini.

Mesyuarat hari ini dipengerusikan oleh Pengerusi PFA Datuk Mazlan Nordin.

Anggota jawatankuasa penganjur yang menghadiri mesyuarat hari ini termasuk wakil khas Setiausaha Agung PBB ke Myanmar Tan Sri Razali Ismail yang juga adalah pengerusi bersama, Presiden PFA Malaysia Datuk A. Kadir Jasin yang merupakan Ketua Eksekutif Perhimpunan Satu Asia dan Pengurus Besar Bernama Syed Jamil Jaafar.

Perhimpunan selama lima hari itu dijangka akan menarik lebih 1,000 peserta terdiri penerbit, editor dan pemberita dari seluruh dunia serta negarawan Asia, ahli akademik, pengurus bank, saintis dan intelek, pegawai dari PBB dan agensi-agensi antarabangsa lain.

-- BERNAMA
YBK AHH RHM